

TARIKH : 6/2/2023
SURAT KHABAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Penarikan balik WRO Sime Darby pulihkan reputasi negara

PETALING JAYA – Penarikan balik Perintah Tahan Pelepasan (WRO) yang dikenakan terhadap Sime Darby Plantation oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP) merupakan perkara positif kerana berkait rapat dengan pasaran eksport sawit negara, kelangsungan perniagaan industri prinsipal, usahasama dan subsidiari sawit serta reputasi Malaysia untuk tidak dikaitkan dengan amalan buruh paksa.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar merakamkan setinggi penghargaan atas segala usaha dan komitmen Sime Darby Plantation untuk memperkasakan aspek kesejahteraan pekerja, selaras dengan ketetapan yang digariskan di bawah undang-undang perburuhan serta instrumen-instrumen antarabangsa seliaan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dalam menangani isu-isu buruh paksa yang didakwa oleh US CBP.

“Kejayaan syarikat dan khususnya inisiatif-inisiatif yang dibangunkan seperti *zero recruitment policy*, pegangan pasport oleh pekerja dan membangunkan mekanisme penyelesaian aduan dalaman harus dijadikan panduan atau model amalan terbaik oleh industri lain,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

WRO berkenaan yang dikenakan sejak tahun 2020 ditarik balik US CBP pada 31 Januari lalu.

Pada masa sama, Sivakumar turut menggesa pihak industri supaya mempertingkatkan usaha bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif kepada pekerja serta tahap pematuhan terhadap piawaian perburuhan.

“Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Buruh Paksa (NAPFL) 2021-2025 menyediakan platform bagi memperjuang-

kan konsep *inclusivity* (keterangkuman), yang mana semua pihak berkepentingan dilibatkan bagi mewujudkan mekanisme terbaik untuk membendung amalan buruh paksa menjelang tahun 2030,” tambahnya.



V. SIVAKUMAR

6/2/2023 Pg 37 Kosmo